

1. Ada segelintir remaja yang suka _____ ke sana dan ke sini tanpa tujuan.

- ☐ A melompat-lompat
- ☐ B merayau-rayau
- ☐ C meracau-racau
- ☐ D meronta-ronta



2. Farah _____ bahawa dia tidak tahu apa-apa tentang rakannya yang ponteng sekolah apabila dia ditanya oleh guru kelasnya itu.

- ☐ A beria-ia
- ☐ B berura-ura
- ☐ C berkira-kira
- ☐ D berpura-pura

3. Ibu menyediakan sup _____ ikan untuk dihidangkan kepada tetamunya pada hari ini.

- ☐ A kekisi
- ☐ B bebola
- ☐ C rerama
- ☐ D dedaun

4. Puan Anisah _____ fail yang merekodkan keuntungan syarikatnya bagi bulan September di atas mejanya.

- ☐ A ter cari-cari
- ☐ B terkejar-kejar
- ☐ C teringat-ingat
- ☐ D tertanya-tanya

5. Puan Sofia menjemput para _____ yang hadir mengambil makanan yang telah dihidangkan.

- ☐ A jejari
- ☐ B lelaki
- ☐ C tetamu
- ☐ D tetangga

6. Kereta buruk yang diletakkan di bawah pokok itu dilitupi _____ kering.

- ☐ A dedaun
- ☐ B rerambut
- ☐ C rerumput
- ☐ D bebawang

7. Abang _____ pergi ke pejabat kerana dia perlu menghadiri mesyuarat penting.

- ☐ A terikut-ikut
- ☐ B tergesa-gesa
- ☐ C teragak-agak
- ☐ D terhendap-hendap

8. Asap hitam _____ keluar dari kilang papan yang terbakar itu.

- ☐ A berduyun-duyun
- ☐ B berkepul-kepul
- ☐ C berderet-deret
- ☐ D berkibar-kibar



9. Pihak Jabatan Alam Sekitar giat menjalankan kempen kesedaran di _____ untuk menanam sikap cinta akan alam sekitar dalam kalangan murid.

- ☐ A pasar-pasar raya
- ☐ B gerai-gerai makan
- ☐ C pusat-pusat rekreasi
- ☐ D sekolah-sekolah rendah

10. Anding membersihkan sarang _____ yang ada di siling rumahnya.

- ☐ A lelabah
- ☐ B jejentik
- ☐ C pematik
- ☐ D sesumpah

11. Mangsa-mangsa peperangan itu _____ mendapatkan bekalan makanan daripada pasukan sukarela sehingga mengakibatkan ada yang cedera.

- ☐ A berura-ura
- ☐ B bergilir-gilir
- ☐ C berebut-rebut
- ☐ D bersempit-sempit

12. Ibu memasak sup _____ ikan untuk adik.

- ☐ A bebola
- ☐ B kekabu
- ☐ C dedaun
- ☐ D bebenang

13. Wakil pengantin lelaki dan perempuan itu _____ pantun semasa adat peminangan diadakan di rumah pengantin perempuan.

- ☐ A bercakap-cakap
- ☐ B berbalas-balas
- ☐ C berubah-ubah
- ☐ D berganti-ganti

14. Berniaga secara _____ menggalakkan seseorang itu supaya berdikari.

- ☐ A habis-habisan
- ☐ B kecil-kecilan
- ☐ C mati-matian
- ☐ D jadi-jadian

15. Lampu siling di bilik tidur itu _____ lalu padam.



- ☐ A terkebil-kebil
- ☐ B terkelip-kelip
- ☐ C tercari-cari
- ☐ D terkial-kial

16. _____ orang datang ke gudang perabot yang mengadakan jualan penghabisan stok itu.

- ☐ A Berjela-jela
- ☐ B Bertindih-tindih
- ☐ C Berduyun-duyun
- ☐ D Berpasang-pasang

17. Tangannya _____ semasa menjawab peperiksaan akibat perasaan gemuruhnya.

- ☐ A terkebil-kebil
- ☐ B terincut-incut
- ☐ C terketar-ketar
- ☐ D tergedik-gedik

18. Mereka _____ dalam penerbangan ke kota London tempoh hari.

- ☐ A tahu-menahu
- ☐ B surat-menyurat
- ☐ C kenal-mengenal
- ☐ D bahas-membahas

19. Ina _____ malu apabila diusik tentang bakal suaminya yang berasal dari London itu.

- ☐ A tersipu-sipu
- ☐ B terpisat-pisat
- ☐ C terpinga-pinga
- ☐ D termangu-mangu

20. Mereka _____ kesalahan masing-masing untuk mengelakkan perselisihan.

- ☐ A maaf-memaafkan
- ☐ B tanya-menanyakan
- ☐ C ingat-mengingatkan
- ☐ D cerita-menceritakan